

NO. SOALAN: 97

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 1 OGOS 2017

RUJUKAN : 10005

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan suspek jenayah keganasan (terrorism) yang ditahan antara 2013 - 2017, bilangan yang telah dibebaskan serta bilangan yang ditahan semula.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh dari tahun 2010 hingga 30 Jun 2017, seramai 442 orang telah ditahan bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan keganasan (*terrorism*) dan kesalahan-kesalahan keselamatan. Jumlah tersebut merangkumi 310 orang yang ditangkap berkaitan kumpulan pengganas Daesh dan selebihnya 132 orang lagi bagi lain-lain kumpulan pengganas.

Daripada jumlah tersebut juga, seramai 25 orang ditahan pada tahun 2010, 41 orang pada tahun 2011, 9 orang pada tahun 2012, 11 orang pada tahun 2013, 75 orang pada tahun 2014, 104 orang pada tahun 2015 dan 126 orang pada tahun 2016. Manakala seramai 51 orang telah ditahan bagi tempoh masa 1 Januari 2017 sehingga 30 Jun 2017.